

KRITERIA DAN PANDUAN PERMOHONAN LESEN MPOB



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	ii
SENARAI SINGKATAN	iii
PENGENALAN	1
JADUAL FI LESEN MPOB	2
KATEGORI LESEN (Peraturan 11)	3
PENGELASAN DAN SINGKATAN KELUARAN KELAPA SAWIT (Peraturan 4)	4
AKTIVITI DAN KELUARAN KELAPA SAWIT YANG DILESEN (Peraturan 5)	5
DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN LESEN	6
KRITERIA PERMOHONAN LESEN MPOB	7
SEKTOR PERLADANGAN	7
KEBUN KECIL (SH)	7
ESTET (ET)	8
TAPAK SEMAIAN (NN)	9
PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT)	10
PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS)	11
SEKTOR PENGILANGAN	12
MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)	12
KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB ke MF)	14
KILANG BUAH KELAPA SAWIT - AMBIL ALIH (MF)	15
KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)	16
KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)	18
KILANG PENAPIS (RF)	19
KILANG OLEOKIMIA SAWIT (CM)	20
SEKTOR PERNIAGAAN	21
PENIAGA BIJI BENIH KELAPA SAWIT DAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT (DN)	21
PENIAGA TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (DT)	22
PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)	23
PENIAGA MINYAK SAWIT (DL)	25
PENIAGA ISIRUNG SAWIT (DK)	26
PENIAGA OLEOKIMIA SAWIT (DM)	27
PENIAGA ASID LEMAK SAWIT (DA)	28
SEKTOR PERKHIDMATAN	29
MEMULAKAN PEMBINAAN KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL (KB)	29
KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL (KS)	30
PENGUKURAN KELUARAN KELAPA SAWIT (UK)	31
MAKMAL (UJIAN KELUARAN KELAPA SAWIT) (LB)	32
PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX)	33
PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM)	34
PENGANGKUTAN MINYAK KELAPA SAWIT (TL)	35
ALAMAT PEJABAT MPOB WILAYAH DAN CAWANGAN	36

KATA PENGANTAR

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memainkan peranan penting dalam mengawal selia industri sawit negara supaya ia berkembang maju dan berdaya saing melalui aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan. Objektif pelesenan industri sawit ialah menentukan industri berkembang dengan sihat, sempurna dan teratur. Ini boleh dicapai dengan menjalankan fungsi mengatur, mengawal dan menyelaras semua aktiviti berhubung dengan penanaman, pengilangan, penjualan, pembelian, penghasilan, pengalihan, penyimpanan, pengukuran, pengujian, pengeksporan dan pengimportan keluaran kelapa sawit. Semua aktiviti ini dilesenkan mengikut perundangan yang termaktub di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) dan Peraturan-Peraturan subsidiari di bawahnya.

Lembaga MPOB telah menetapkan dasar-dasar pelesenan yang merangkumi kriteria permohonan lesen baharu, pembaharuan lesen, syarat-syarat lesen serta prosedur pengeluaran lesen. *Buku Kriteria dan Panduan Permohonan Lesen MPOB* ini disediakan sebagai panduan kepada pemohon lesen mengenai segala keperluan yang perlu disediakan sebelum mengemukakan sesuatu permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011. Kini kaedah permohonan lesen telah dipermudahkan. Semua permohonan lesen baharu, pembaharuan, pindaan butiran, tambahan aktiviti / produk, tambahan daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit dan rayuan dibuat secara dalam talian sepenuhnya. Buku ini diharap dapat memberi kefahaman dan panduan kepada orang ramai yang berhasrat menceburi bidang perniagaan dalam industri sawit.

Datuk Dr. Ahmad Parveez Haji Ghulam Kadir
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

SENARAI SINGKATAN

Kategori Lesen

CF	-	Kilang Pelumat Isirung Sawit
CM	-	Kilang Oleokimia Sawit
DA	-	Peniaga Asid Lemak Sawit
DF	-	Peniaga Buah Kelapa Sawit
DK	-	Peniaga Isirung Sawit
DL	-	Peniaga Minyak Sawit
DM	-	Peniaga Oleokimia Sawit
DN	-	Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit
DT	-	Peniaga Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
ET	-	Estet
KB	-	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal
KS	-	Kemudahan Simpanan Pukal
LB	-	Makmal (ujian keluaran kelapa sawit)
MB	-	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit
MF	-	Kilang Buah Kelapa Sawit
NN	-	Tapak Semaian
NS	-	Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit
NT	-	Penghasil Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
PM	-	Pengimport Keluaran Kelapa Sawit
PX	-	Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit
RF	-	Kilang Penapis
SH	-	Kebun Kecil
TL	-	Pengangkutan Minyak Kelapa Sawit
UK	-	Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit

Keluaran Kelapa Sawit

CPKO	-	Minyak Isirung Sawit Mentah
CPO	-	Minyak Sawit Mentah
FFB	-	Buah Tandan Segar
PCM	-	Oleokimia Sawit
PFA	-	Asid Lemak Sawit
PFOPT	-	Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
PK	-	Isirung Sawit
PKC	-	Bungkil Isirung Sawit
PPKO	-	Minyak Isirung Sawit yang Diproses
PPO	-	Minyak Sawit yang Diproses
SDS	-	Biji Benih Kelapa Sawit
SLGBIJI	-	Anak Benih Kelapa Sawit daripada Biji Benih Kelapa Sawit
SLGTISU	-	Anak Benih Kelapa Sawit daripada Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
SPO	-	Minyak Sawit Keladak

PENGENALAN

Industri sawit Malaysia telah berkembang pesat dan antara penyumbang utama kepada ekonomi dan pendapatan negara. Industri ini menyediakan peluang perniagaan yang luas dalam sektor perladangan, pengilangan, perniagaan dan perkhidmatan. Peraturan 5 (1), Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah memperuntukan seseorang yang melakukan sesuatu aktiviti yang mana suatu lesen diperlukan perlu terlebih dahulu mendapatkan lesen daripada MPOB. Aktiviti-aktiviti yang perlu dilesenkan seperti berikut:

- i. Menghasilkan bahan tanaman kelapa sawit.
- ii. Menjual atau mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- iii. Membeli buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit atau asid lemak sawit
- iv. Menyimpan bahan tanaman kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- v. Memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit.
- vi. Mengilang buah kelapa sawit.
- vii. Memulakan pembinaan kemudahan simpanan pukal bagi keluaran kelapa sawit.
- viii. Mengukur atau menguji bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- ix. Mengeksport dan mengimport bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- x. Mengalih minyak sawit.

MPOB sentiasa peka dengan kemajuan dan perkembangan pesat industri. Kriteria-kriteria permohonan lesen sentiasa dikaji supaya menepati keperluan semasa. Setiap perubahan dan penambahbaikan kriteria dimaklumkan kepada orang ramai. Sehubungan itu buku ini diterbitkan sebagai panduan.

Permohonan lesen perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai asas bagi MPOB memperaku dan meluluskan sesuatu permohonan lesen. Permohonan lesen hendaklah dibuat secara dalam talian di laman sesawang *MyLesen MPOB* untuk lesen kategori utama dan E-Lesen Pekebun Kecil untuk lesen kebun kecil, seperti berikut:

1. <https://e-lesen.mpob.gov.my> (lesen kategori utama) bagi pemohon yang terlibat dalam industri sawit bagi sektor perladangan, pengilangan, perniagaan dan perkhidmatan (*Lampiran 1a*).
 - ✓ Permohonan Lesen Baharu
 - ✓ Pembaharuan Lesen
 - ✓ Pindaan Butiran Lesen
 - ✓ Tambah Aktiviti / Produk
 - ✓ Tambahan Daya Pemprosesan Kilang Buah Kelapa Sawit
 - ✓ Permohonan Rayuan

2. <https://e-lesenk.mpob.gov.my> (lesen kategori kebun kecil) bagi pemohon yang memiliki kebun kelapa sawit kurang daripada 100 ekar atau 40.46 ha (*Lampiran 1b*).
 - ✓ Permohonan Lesen Baharu
 - ✓ Pembaharuan Lesen
 - ✓ Pindaan Butiran Lesen

JADUAL FI LESEN MPOB

AKTIVITI DAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT	FFB	PK	PFA	PCM	PKC	SDS	SLGBIJI
Menghasilkan						100.00	100.00
Menjual dan Mengalih	100.00	100.00	100.00	100.00		100.00	100.00
Membeli dan Mengalih	100.00	100.00	100.00				
Menyimpan		100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukul (RM 500.00)							
Mengilang Buah Kelapa Sawit	500.00						
Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (RM 500.00)							
Mengukur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menguji	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengeksport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengimport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengalih							

AKTIVITI DAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT	SLGTISU	PFOPT	CPO	PPO	CPKO	PPKO	SPO
Menghasilkan	100.00	100.00					
Menjual dan Mengalih	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Membeli dan Mengalih			100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menyimpan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukul (RM 500.00)							
Mengilang Buah Kelapa Sawit							
Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (RM 500.00)							
Mengukur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menguji	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengeksport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengimport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengalih			100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Nota:

Fi rayuan kategori MF dan PM – RM 1,000.00.

Fi rayuan bagi lain-lain kategori – RM 500.00.

Singkatan Keluaran Kelapa Sawit

FFB	Buah Tandan Segar
PK	Isirung Sawit
PFA	Asid Lemak Sawit
PCM	Oleokimia Sawit
PKC	Bungkil Isirung Sawit
SDS	Biji Benih Kelapa Sawit
SLGBIJI	Anak Benih Kelapa Sawit daripada Biji Benih Kelapa Sawit
SLGTISU	Anak Benih Kelapa Sawit daripada Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
PFOPT	Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit
CPO	Minyak Sawit Mentah
PPO	Minyak Sawit yang Diproses
CPKO	Minyak Isirung Sawit Mentah
PPKO	Minyak Isirung Sawit yang Diproses
SPO	Minyak Sawit Keladak

KATEGORI LESEN (Peraturan 11)**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005
[PPLMSM (Pelesenan) 2005]**

Bil.	Kategori Lesen	Kod
1	Kebun Kecil	SH
2	Estet	ET
3	Tapak Semaian	NN
4	Penghasil Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit	NT
5	Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit	NS
6	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit	MB
7	a.Kilang Buah Kelapa Sawit (MB ke MF)	MF
	b.Kilang Buah Kelapa Sawit - Ambil Alih (MF)	MF
	c.Kilang Buah Kelapa Sawit (tambahan daya pemprosesan)	MF
8	Kilang Pelumat Isirung Sawit	CF
9	Kilang Penapis	RF
10	Kilang Oleokimia Sawit	CM
11	Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit	DN
12	Peniaga Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit	DT
13	Peniaga Buah Kelapa Sawit	DF
14	Peniaga Minyak Sawit	DL
15	Peniaga Isirung Sawit	DK
16	Peniaga Oleokimia Sawit	DM
17	Peniaga Asid Lemak Sawit	DA
18	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal	KB
19	Kemudahan Simpanan Pukal	KS
20	Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit	UK
21	Makmal (ujian keluaran kelapa sawit)	LB
22	Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit	PX
23	Pengimport Keluaran Kelapa Sawit	PM
24	Pengangkut Minyak Sawit	TL

PENGELASAN DAN SINGKATAN KELUARAN KELAPA SAWIT
(Peraturan 4)

Bil.	Kelas Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan
1	Buah Tandan Segar	FFB
2	Isirung Sawit	PK
3	Asid Lemak Sawit	PFA
4	Oleokimia Sawit	PCM
5	Bungkil Isirung Sawit	PKC
6	Bahan Tanaman Kelapa Sawit	OPPM
	6.1 Biji Benih Kelapa Sawit	SDS
	6.2 Anak Benih Kelapa Sawit	SLG
	(a) Anak benih kelapa sawit daripada biji benih kelapa sawit	SLGBIJI
	(b) Anak benih kelapa sawit daripada tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit	SLGTISU
	6.3 Tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit	PFOPT
7	Minyak Sawit	PO
	7.1 Minyak Sawit Mentah	CPO
	7.2 Minyak Sawit yang Diproseskan	PPO
	7.3 Minyak Isirung Sawit Mentah	CPKO
	7.4 Minyak Isirung Sawit yang Diproseskan	PPKO
	7.5 Minyak Sawit Keladak	SPO

**AKTIVITI DAN KELUARAN KELAPA SAWIT YANG DILESEN
(Peraturan 5)**

Peraturan	Aktiviti dan Kelas Keluaran Kelapa Sawit	Pengecualian (di bawah Peraturan 6)
P5(1)(a)	Menghasil OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT)	P6(a) - membeli, menjual, mengalih atau menyimpan PPO dalam bentuk bungkus tidak melebihi 25 kg berat bersih. P6(b) - jika orang itu mengalih OPPM, FFB, PK, PFA atau PCM bagi pihak atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih.
P5(1)(b)	Menjual atau Mengalih OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PFA atau PCM	
P5(1)(c)	Membeli FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK atau PFA	
P5(1)(d)	Menyimpan OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM	P6(d) - menyimpan atau mengalih anak benih kelapa sawit untuk tanaman ladang sendiri. P6(e) - menyimpan PKC bagi makanan binatang ternakannya. P6(g) - menyimpan PCM bagi kegunaan sendiri dan bukan bagi maksud menjual kepada mana-mana orang.
P5(1)(e)	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit	-
P5(1)(f)	Mengilang Buah Kelapa Sawit	-
P5(1)(g)	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal Keluaran Kelapa Sawit	P6(c) - apabila jumlah keupayaan tidak melebihi 10 000 t.
P5(1)(h)	Mengukur atau Menguji OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM	P6(f) - menguji apa-apa keluaran kelapa sawit selain daripada maksud komersil.
P5(1)(i)	Mengeksport atau Mengimport OPPM (SDS,SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM.	-

DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN LESEN

Pendaftaran Perniagaan atau Syarikat

Pemilikan Tunggal / Perkongsian.

1. Salinan kad pengenalan terbaru pemilik.
2. Salinan Borang D-Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) (SSM) bagi perniagaan di Semenanjung.
3. Salinan Borang A atau B-Maklumat Perniagaan (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) bagi perniagaan di Semenanjung.
4. Salinan Borang B-Lesen Berniaga (Ordinan Pelesenan Perdagangan 1948 Negeri Sabah) bagi perniagaan di Negeri Sabah.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan [Ordinan Nama-nama Perniagaan (CAP 64) (Negeri Sarawak)] bagi perniagaan di Negeri Sarawak.
6. Salinan Borang 1-Ordinan Perniagaan, Profesion dan Pelesenan Perdagangan Negeri Sarawak bagi perniagaan di Negeri Sarawak.

Sendirian Berhad / Berhad

1. Notis Pendaftaran / Sijil Perakuan Pemerbadanan Syarikat
2. Borang Teras (Maklumat Modal dan Maklumat Pemegang Syer)
3. Borang Teras (Maklumat Pengarah dan Pegawai)
4. Borang Teras Maklumat Syarikat

Nota : Sekiranya syarikat didaftarkan selepas 31 Januari 2016, adalah di bawah Akta Syarikat 2016 dan menggunakan Borang Teras. Profil syarikat diperoleh daripada SSM e-Info. Pembelian dokumen melalui sistem MyLesen MPOB.

Koperasi

1. Salinan Perakuan Pendaftaran Koperasi.
2. Senarai Nama Ahli Jemaah Koperasi.
3. Laporan Tahunan dan Undang-undang Kecil Koperasi.

Agensi Kerajaan

1. Salinan Dokumen Penubuhan di Bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing.
2. Senarai Nama Ahli Jemaah.
3. Undang-undang Kecil Pertubuhan.
4. Perbadanan di Bawah Enakmen Negeri.

Pertubuhan

1. Salinan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).
2. Senarai Nama Ahli Lembaga Pengarah.
3. Laporan Tahunan.

KRITERIA PERMOHONAN LESEN MPOB

(Berkuatkuasa: 1 Januari 2022)

SEKTOR PERLADANGAN

KEBUN KECIL (SH)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjual buah kelapa sawit dari kebun sendiri atau pajakan. Keluasan kebun kurang daripada 100 ekar (40.46 ha).

AKTIVITI

Menjual dan mengalih buah tandan segar (FFB).

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
 - i. Perseorangan (kad pengenalan).
 - ii. Perkongsian/Syarikat Sdn Bhd/Koperasi (dokumen pendaftaran syarikat).
2. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah/premis.

Bukti melalui:

 - i. Kebun telah ditanam dengan kelapa sawit sekurang-kurangnya dua tahun dan kemukakan borang pengesahan tanaman kelapa sawit ([Borang MPOB PK](#))
 - ii. Tanah Sendiri - salinan geran.
 - iii. Tanah Pajak / sewa - surat perjanjian pajak atau sewa
 - iv. Surat kuasa atau kebenaran daripada penama lain dalam geran jika kebun berkongsi
 - v. Salinan kad pengenalan, nombor telefon dan alamat rumah (seperti bil utiliti) setiap penama dalam geran atau pekongsi
 - vi. Pengesahan penggunaan tanah dari pihak berkuasa persekutuan – seperti Jabatan Hutan, JAKOA, Perintah Mahkamah dan sebagainya (jika berkenaan).
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhak milik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
3. Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan *Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

*Malaysian Standard MS 2530-2 untuk kebun kecil (SH).

BENTUK PERNIAGAAN

Menjual buah tandan segar (FFB) dari ladang sendiri atau pajakan. Keluasan ladang lebih daripada 100 ekar (40.46 ha).

AKTIVITI

Menjual dan mengalih buah tandan segar (FFB).

NOTA: PERMOHONAN LESEN ESTET (ET)

Sila penuhi borang [Estate Self Verification Checklist by Applicant](#) untuk dimuatnaik ke dalam sistem dan kemukakan bersama dengan borang permohonan untuk pertimbangan pengeluaran lesen.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
 - i. Perseorangan (kad pengenalan).
 - ii. Perkongsian/Syarikat Sdn Bhd/Koperasi (dokumen pendaftaran syarikat)
2. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah/premis.

Bukti melalui:

 - i. Ladang telah ditanam dengan kelapa sawit sekurang-kurangnya dua tahun ([Borang MPOB \(ET\)](#)).
 - ii. Tanah Sendiri - salinan geran; atau
 - iii. Tanah pajak / sewa - surat perjanjian pajak atau sewa.
 - iv. Surat kuasa atau kebenaran daripada penama lain dalam geran jika geran atas nama individu dan berkongsi
 - v. Salinan kad pengenalan, nombor telefon dan alamat rumah (seperti bil utiliti) setiap penama dalam geran atau pekongsi
 - vi. Pengesahan penggunaan tanah dari pihak berkuasa persekutuan – seperti Jabatan Hutan, JAKOA, Perintah Mahkamah dan sebagainya (jika berkenaan).
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhak milik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
3. Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan *Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

*Malaysian Standard MS 2530-3 untuk estet (ET).
4. Laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA).

Mengemukakan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) jika keluasan tanaman sawit baharu melebihi 500 ha.

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan anak benih kelapa sawit daripada biji benih kelapa sawit (SLGBIJI) atau daripada tumbuhan daripada tisu kelapa sawit (SLGTISU) untuk dijadikan bahan tanaman di tapak semaian yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan SLGBIJI, SLGTISU.
2. Menjual dan mengalih SLGBIJI, SLGTISU.
3. Menyimpan SLGBIJI, SLGTISU.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Modal: RM 50 000.00.

Bukti modal:
 - i. Borang SSM terkini (*summary of share capital*) bagi entiti syarikat
 - ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi kerajaan / perkongsian / perseorangan
 - iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti Koperasi
3. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
Bukti melalui:
Surat hak milik tanah, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhak milik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
4. Kesesuaian Premis.
 - i. Keluasan minimum tapak semaian seluas 1 ha atau jumlah keluasan *agregate* 1 ha dalam mukim yang sama.
 - ii. Premis yang sesuai seperti kecerunan, sumber air, tidak mudah banjir atau air bertakung, tiada lindungan pokok besar.
5. Lulus Ujian Tapak Semaian.

Mempunyai kakitangan yang telah hadir kursus dan lulus ujian Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit anjuran MPOB berkhidmat dengan pemohon. Tidak terikat bekerja dengan mana-mana pemegang lesen Tapak Semaian yang lain.
Kriteria ini tidak terpakai untuk tapak semaian bagi tujuan kegunaan tanaman di ladang sendiri.
6. Pensijilan *Code Of Good Nursery Practice For Oil Palm Nurseries (CoPN)*

Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan *Code Of Good Nursery Practice For Oil Palm Nurseries (CoPN)* daripada Lembaga atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT)

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit (PFOPT) untuk dijadikan bahan tanaman di pusat yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan PFOPT.
2. Menjual dan mengalih PFOPT.
3. Menyimpan PFOPT.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Modal: RM 500 000.00.

Bukti modal:

- i. Borang SSM terkini (*summary of share capital*) bagi entiti syarikat
 - ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi kerajaan / perkongsian / perseorangan
 - iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti Koperasi
3. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah/premis.
Bukti melalui:
Surat hak milik premis, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhak milik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
 4. Kelulusan Agensi Lain.

Sijil Pengiktirafan SIRIM QAS (MS 2099:2008) yang masih sah.

PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS)

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan biji benih kelapa sawit (SDS) bercambah dari pusat yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan SDS.
2. Menjual dan mengalih SDS.
3. Menyimpan SDS.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Modal: RM 500 000.00.

Bukti modal:

- i. Borang SSM terkini (*summary of share capital*) bagi entiti syarikat
- ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi kerajaan / perkongsian / perseorangan
- iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti Koperasi

3. Pemilikan Premis.

- a. Pemilikan sah ke atas tanah/premis.

Bukti melalui:

Surat hak milik premis, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.

- b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhak milik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.

4. Kelulusan Agensi Lain.

Sijil Pengiktirafan SIRIM QAS (MS 157:2017) yang masih sah.

MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit bagi membolehkan syarikat mengilang buah kelapa sawit.

AKTIVITI

Memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Modal: RM 5 000 000.00.

Bukti modal:

- i. Borang SSM terkini (*summary of share capital*) bagi entiti syarikat
- ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi kerajaan / perkongsian / perseorangan
- iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti Koperasi

3. Pemilikan Premis.

Pemilikan sah ke atas tanah/premis.

- i. Pemilikan kekal (*free hold*); atau
- ii. Pegangan pajakan negeri (*state lease hold*).

Bukti Pemilikan:

Surat hak milik tanah atau perjanjian jual beli. (Nota: tanah tapak kilang didaftar atas nama pemohon).

- a) Salinan hak milik premis yang disahkan atau disertakan carian hak milik; atau
- b) Perjanjian sewa premis pemohon perlu mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemilik asal dan disertakan salinan geran

4. Prasarana (Kesesuaian Premis).

a. Kelulusan Agensi Lain.

- i. Jabatan Alam Sekitar – Kebenaran Bertulis (KB).
- ii. Kelulusan Kerajaan Negeri (UPEN - Unit Perancang Ekonomi Negeri) / kementerian / jabatan / agensi kerajaan persekutuan atau negeri yang berkaitan.

b. Sumber Bekalan FFB

- i. Permohonan lesen bagi aktiviti membina kilang buah kelapa sawit perlu mengemukakan bukti keluasan ladang sekurang-kurangnya 4,000 ha telah ditanam dengan kelapa sawit dan akan berhasil apabila kilang beroperasi.
- ii. Keluasan ladang bagi perkara (i) di atas boleh terdiri daripada:
 - a) Ladang sendiri / kumpulan / subsidiari / sekutu; dan / atau
 - b) Ladang atau kebun luar perlu mengemukakan surat perjanjian jangka panjang (melebihi tiga tahun) bekalan buah kelapa sawit dan tidak terikat/bertindih dengan perjanjian pembekalan buah kelapa sawit kepada mana-mana pembinaan kilang buah kelapa sawit (MB) yang lain.
 - c) Sumber bekalan buah kelapa sawit bagi perkara (a) dan (b) hendaklah berada dalam jarak 200 km.

(...sambungan)

MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit bagi membolehkan syarikat mengilang buah kelapa sawit.

AKTIVITI

Memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit.

(...sambungan)

5. Kajian Fesibiliti.

Pemohon perlu menyediakan laporan *feasibility study* berkaitan sumber bekalan FFB, kajian pasaran, keperluan daya pemprosesan, teknologi yang akan diguna pakai dan pelan pengurusan biojisim (*biomass*) (*methane trapping*).

6. Pengurusan Gas Metana dan Biogas.

Kilang baru mesti mempunyai kemudahan alat pemerangkapan atau pengelakan pelepasan gas metana.

7. Tempoh Siap MB:

- i. Syarikat yang telah diluluskan lesen MB dikehendaki menyiapkan pembinaan kilang dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan.
- ii. Kegagalan untuk menyiapkan pembinaan kilang boleh membawa kepada tindakan pembatalan lesen oleh Lembaga, tanpa terikat dengan mana-mana undang-undang.
- iii. Sekiranya kerja pembinaan kilang telah melepasi peringkat kerja penyediaan tapak berdasarkan Borang MPOB (EL) MB4, pemegang lesen boleh mengemukakan pelanjutan tempoh sehingga maksimum 12 bulan.
- iv. Permohonan pelanjutan tempoh pembinaan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh tamat tempoh yang dilesenkan.
- v. Perlanjutan tempoh kali kedua adalah dibenarkan tertakluk kepada kemajuan kerja pembinaan kilang buah dan justifikasi kelewatan yang munasabah. [Berkuatkuasa 1 Januari 2024](#)

Nota: Surat perjanjian (jangka panjang) bekalan buah kelapa sawit hendaklah dimati setem (*stamping*) dan ditandatangani oleh pemilik ladang, Ketua Pengarah Eksekutif atau pengarah syarikat yang berkepentingan, dan satu salinan dikemukakan kepada MPOB.

KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB ke MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjalankan aktiviti mengilang buah tanda segar (FFB) yang diterima atau dibeli dari ladang sendiri, ladang luar, kebun kecil atau peniaga buah kelapa sawit. Menghasilkan minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit (PK). Turut menjalankan aktiviti menjual dan mengeksport CPO, PK, SPO.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Memiliki lesen sah kategori memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit (MB).
2. Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar – Kelulusan Menduduki.
3. Pengurusan Gas Metana dan Biogas.

Kilang baru mesti mempunyai kemudahan alat pemerangkapan atau pengelakan pelepasan gas metana.

4. Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan *Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

*Malaysian Standard MS 2530-4 untuk Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

BENTUK PERNIAGAAN

Menjalankan aktiviti mengilang buah kelapa sawit (FFB) dengan mengambil alih aset kilang sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Modal: RM 5 000 000.00.

Bukti modal:

- i. Borang SSM terkini (*summary of share capital*) bagi entiti syarikat
- ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi kerajaan / perkongsian / perseorangan
- iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti Koperasi

3. Pemilikan Premis.

Pemilikan sah ke atas tanah/premis.

- i. Pemilikan kekal (*free hold*); atau
- ii. Pegangan pajakan negeri (*state lease hold*)

Bukti pemilikan:

Surat hak milik tanah atau perjanjian jual beli.

- a) Salinan hak milik premis yang disahkan atau disertakan carian hak milik; atau
- b) Perjanjian sewa premis pemohon perlu mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemilik asal dan disertakan salinan geran

4. Prasarana (kesesuaian premis).

Kelulusan Agensi Lain.

- i. Jabatan Alam Sekitar – kelulusan menduduki.
- ii. Kelulusan Kerajaan Negeri (UPEN-Unit Perancang Ekonomi Negeri)/kementerian/ jabatan/agensi kerajaan persekutuan atau negeri yang berkaitan.

5. Bebas dari segala tunggakan bayaran dengan MPOB

Syarikat yang mengambil alih dan diambil alih hendaklah memastikan tiada tunggakan seperti SES atau kompaun dan menyelesaikan kes-kes tindakan mahkamah yang sedang berjalan (jika ada).

**KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)
(BERKUATKUASA 1 APRIL 2025)**

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk menambah daya pemrosesan kilang buah kelapa sawit sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.
2. Kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS):
Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar negeri selari dengan keupayaan yang dipohon untuk tambahan daya pemrosesan kilang tersebut.
(Pengiraan MPOB: ___ tm x 20 jam x 25 hari x 12 bulan = tm/thn)
Bukti melalui:
 - i. Borang A.S.3 – Kelulusan JAS (maklumat operasi FFB setahun)
 - ii. Lesen JAS yang masih sah beserta Jadual Pematuhan
3. Kajian Fesibiliti.
Pemohon perlu menyediakan laporan *feasibility study* berkaitan sumber bekalan FFB, kajian pasaran, keperluan daya pemrosesan, teknologi yang akan diguna pakai dan plan pengurusan biojisim (*methane trapping*).
4. Pemerangkapan / Pengelakkan Pelepasan Gas Metana.
 - a) Semua kilang buah kelapa sawit (MF) sedia ada yang memohon penambahan daya pemrosesan buah kelapa sawit mesti memasang alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana. Walau bagaimanapun berkuatkuasa pada 2 Mei 2021 pengecualian pemasangan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana diberi kepada kilang yang memproses buah kelapa sawit **270,000** tan setahun dan ke bawah. Mana-mana kilang sedia ada yang memohon penambahan daya pemrosesan tahunan **MELEBIHI** 270,000 tan buah kelapa sawit setahun diwajibkan untuk memasang fasiliti pemerangkapan biogas atau teknologi pengelakan pelepasan gas metana atau kedua-duanya sekali dengan kadar penggunaan POME sebanyak 80% ($\pm 5\%$) daripada kapasiti POME yang dihasilkan.
 - b) Bagi kilang-kilang sedia ada di Sarawak yang memohon tambahan daya pemrosesan buah kelapa sawit, pelaksanaan mandatori pemerangkapan biogas dilanjutkan sehingga **31 Disember 2025** berdasarkan *case to case basis* dengan mengemukakan perancangan atau pelantikan konsultan untuk memasang fasiliti/infrastruktur dan kelulusan bersyarat yang diberi akan ditarik balik sekiranya masih gagal membina dan melaksanakan kemudahan pemerangkapan biogas.

Contoh teknologi pengelakan pelepasan metana adalah seperti berikut:
 - i. Penggunaan POME – biokompos (POME + EFB)
 - ii. Teknologi buangan sifar POME (contoh: pengewapan / evaporation)
 - iii. Rawatan POME tanpa melibatkan proses anerobik
5. Kadar Penggunaan Daya Pemrosesan
Penggunaan Daya Pemrosesan hendaklah melebihi 90% daripada daya pemrosesan yang diluluskan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut.
Daya pemrosesan yang tidak digunakan, dikurangkan mengikut penggunaan maksimum daya pemrosesan MF untuk tempoh tiga tahun berturut-turut.

**KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)
(BERKUATKUASA 1 APRIL 2025)**

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk menambah daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

6. Sumber Bekalan FFB

Unjuran sumber bekalan buah kelapa sawit (FFB) bagi ladang sendiri dan luar yang akan diterima bagi 3 tahun ke hadapan (Nyatakan nombor lesen bagi ladang sendiri dan tahun tanam beserta jadual anggaran FFB yang akan diterima (*forecast*)).

Pertimbangan kelulusan permohonan tambahan daya pemprosesan MF perlu melihat kepada bilangan MF dalam jarak 50KM serta kadar penggunaan daya pemprosesan, pencapaian OER dan sumber bekalan FFB yang diterima oleh MF bagi menjaga keharmonian MF di kawasan tersebut

7. Kadar Perahan Minyak (OER)

Pencapaian OER hendaklah sebanyak 19 % dan ke atas. Bagi kilang yang mencapai OER kurang atau dibawah 19% adalah mengambil kira formula: $OER + KER = \geq 24.5\%$

8. Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Pemegang lesen perlu mempunyai pensijilan * Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

*Malaysian Standard MS 2530-4 untuk Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjalankan aktiviti pengilangan melumat isirung sawit (PK) untuk menghasilkan minyak isirung sawit mentah (CPKO) dan bungkil isirung sawit (PKC). Turut menjalankan aktiviti menjual dan mengeksport CPKO dan PKC.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih PK, CPKO, SPO.
2. Membeli dan mengalih PK, CPKO.
3. Menyimpan PK, CPKO, PKC, SPO.
